

17 OCT 2003

OIC-Perpaduan/I

PERPADUAN UMMAH AKAN MANFAATKAN SEMUA MANUSIA, KATA PRESIDEN SOMALIA

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Perpaduan ummah akan membawa manfaat kepada semua manusia dan tidak harus dilihat sebagai ancaman kepada agama lain, kata Presiden Somalia Dr Abdikasim Salad Hassan hari ini.

"Islam mementingkan persaudaraan sesama manusia, menentang keganasan dan menggalakkan dialog antara pelbagai agama," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata atas sebab itu, umat Islam perlu bersatu.

"Sebab itu kita datang ke persidangan ini kerana perpaduan ini juga bagi manfaat agama lain sama ada Kristian, Yahudi dan kepercayaan lain," katanya.

Terdahulu, beliau mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada acara sampingan di luar Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

Beliau juga berkata perbuatan menyamakan Islam dengan keganasan patut dibantah oleh semua pihak.

"Pengganas boleh terdiri daripada orang Islam, Yahudi dan juga orang kristian," katanya.

Katanya kewujudan pengganas di merata tempat bukan kerana agama.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada Dr Mahathir dan rakyat Malaysia atas kecemerlangan menganjurkan sidang kemuncak itu.

-- BERNAMA

MT AZZ RHM